



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS PERPADUAN  
JAJAHAN MACHANG**

**4 FEBRUARI 2024 (AHAD)**

**3.45 PETANG**

**KOMPLEKS PERPADUAN JAJAHAN MACHANG  
KELANTAN**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

\*disediakan secara berasingan

## **PENDAHULUAN**

1. Lawatan kerja saya ini adalah merupakan yang pertama ke negeri Kelantan. **Saya amat gembira dapat berada di negeri Cik Siti Wan Kembang ini yang terdiri daripada pelbagai kaum, keunikan budaya dan resam.**
2. Kepelbagaian ini bukanlah merupakan suatu halangan untuk kita bersatu. Sebaliknya kepelbagaian ini perlu dijadikan sebagai kekuatan bagi kita semua untuk membangunkan Malaysia yang harmoni dan lebih baik.
3. Pada hari ini, kita akan mencatatkan satu sejarah baru bagi Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di mana kita bakal merasmikan **Kompleks Perpaduan** yang pertama di Malaysia.

4. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga kerja KPN dan JPNIN yang telah bekerja keras untuk memastikan pembinaan kompleks ini dapat disempurnakan. Terima kasih juga kepada agensi lain dan semua pihak yang telah terlibat dari awal hingga pembinaan kompleks ini khususnya pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).
5. Sebagai makluman, **pembinaan kompleks ini bermula pada 28 November 2016 dan telah siap sepenuhnya pada 27 Mac 2019 dengan kos keseluruhan hampir RM9.8 juta** dan telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2020.
6. Untuk makluman semua, kompleks ini dilengkапkan dengan **Ruang Pejabat, Bilik Seminar, Bilik Mesyuarat, Bilik Perbincangan, Bilik Mediasi, Dewan Serbaguna, Tabika Perpaduan** dan ruang-ruang lain.
7. Dengan pelbagai kemudahan yang ada di kompleks ini, saya yakin ia akan **membantu melancarkan pengoperasian, pengurusan dan pertadbiran Jabatan serta jentera-jentera di bawahnya.**

8. Sehingga kini, Kementerian mempunyai sebanyak **763 Pusat Rukun Tetangga (PRT)** dan **13 Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP)** di seluruh negara. **Negeri Kelantan mempunyai 4 PRT, 1 PAP dan sebuah Kompleks Perpaduan.** Kementerian akan terus meningkatkan usaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan supaya lebih banyak premis untuk KRT dapat dibina.

### **PERKHIDMATAN PENDAMPINGAN SOSIAL**

Para hadirin yang dikasih sekalian,

9. Pusat Mediasi Komuniti (PKM) merupakan KPN/JPNIN untuk **menyediakan platform dan akses bagi komuniti setempat menyelesaikan sebarang konflik/pertikaian yang berlaku melalui kaedah mediasi.**

10. Ianya merupakan satu perkhidmatan pendampingan sosial dalam **mengurus konflik/pertikaian komuniti yang melibatkan kerjasama strategik di antara agensi kerajaan dan komuniti setempat.**

**11. Skop perkhidmatan** yang diberikan oleh MK tertumpu kepada penyelesaian pertikaian, perselisihan atau konflik komuniti berkaitan isu-isu kejiranan seperti isu perselisihan antara jiran, isu bising, isu sampah, isu parking, pemeliharaan haiwan (kucing dan anjing), pergaduhan sesama jiran dan pelbagai lagi.

**12.** PKM dapat dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu peringkat negeri, daerah dan komuniti yang menggunakan premis sedia ada Jabatan seperti berikut;

- **Peringkat Negeri - Kompleks Perpaduan** (di mana Kompleks Perpaduan ini juga akan menawarkan perkhidmatan ini)
- **Peringkat Daerah - Pusat Aktiviti Perpaduan**
- **Peringkat Komuniti - Pusat Rukun Tetangga**

**13.** Sehingga kini, sebanyak **empat (4) PKM** telah ditubuhkan pada tahun lepas iaitu:

- Pusat Mediasi Komuniti KRT Tongkang Pechah, Batu Pahat

- Pusat Mediasi Komuniti Daerah Seberang Perai Selatan
- Pusat Mediasi Komuniti Negeri Sembilan
- Pusat Mediasi Komuniti Kuala Lumpur

**14. Bagi tahun 2024, JPNIN bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan mediasi melalui penubuhan 3 pusat berikut:**

- Perlis - Pusat Mediasi Komuniti KRT Pekan Pauh
- Putrajaya - Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya
- Melaka - Pusat Mediasi Komuniti Daerah Alor Gajah

## **RT PENGERAK KOMUNITI PROGRESIF**

Para hadirin yang dimuliakan sekalian,

15. Bagi menyemarakkan agenda perpaduan di peringkat komuniti, KRT mempunyai peranan yang sangat penting. **Sebagai penggerak dan pengantara serta penjalin hubung (*bridge builder*) dalam memayungi program-program perpaduan dalam komuniti, KRT perlu mempergiat dan memperhebatkan lagi kefungsiaannya**

agar kewujudan KRT sentiasa dapat **dilihat, dirasai dan didengari** oleh masyarakat.

16. Sejak **penubuhan Rukun Tetangga pada tahun 1975**, kelestariannya sebagai **pemacu agenda perpaduan dalam komuniti kejiranan** telah terbukti memberi impak yang signifikan kepada negara.
17. Oleh itu, pada tahun 2024, Kementerian akan menggerakkan inisiatif **Pemerkasaan RT Penggerak Komuniti Progresif**. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan melalui Belanjawan 2024 telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM20 juta** kepada Kementerian. Kita akan memberi fokus kepada **Iapan (8) bidang tumpuan** iaitu:

- Ekonomi dan Sara Hidup
- Keselamatan dan ketahanan komuniti
- Kepimpinan
- Kesejahteraan komuniti
- Pembelajaran sepanjang hayat
- Alam sekitar
- Warisan dan budaya
- Daya cipta

18. Kementerian juga mensasarkan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya **116 KRT Progresif** di seluruh negara yang mampu menjadi “*role model*” kepada KRT lain. **Pelan Tindakan Membangun Komuniti Progresif** telah dibangunkan oleh JPNIN dan akan dibentangkan dalam **Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)** pada **26 Februari** ini. Seterusnya, akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan dilancarkan pada awal April 2024 nanti.

19. Usaha pemerkasaan KRT Progresif ini adalah **bertepatan dengan aspirasi Rukun Negara**, di mana dalam mukadimahnya turut dinyatakan hasrat untuk membina masyarakat progresif. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru seluruh KRT agar berperanan secara lebih aktif dan dinamik untuk membangun komuniti progresif.

## **PENUTUP**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Usaha untuk memupuk, memelihara dan memperkuuhkan perpaduan merupakan tanggungjawab kita bersama.

21. Justeru, bagi pihak Kementerian, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang **menjadi Rakan Perpaduan dalam merealisasikan aspirasi perpaduan di negara kita**. Saya amat berharap agar jalinan kerjasama ini dapat diperkuuhkan dari semasa ke semasa.

22. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada petang ini.

*Dari Putrajaya ke Kelantan,  
Singgah sebentar di Pasar Siti Khatijah,  
Perpaduan kekuatan anak watan,  
Ayuh kita terus kekal teguh.*

23. Saya dengan ini merasmikan **BANGUNAN KOMPLEKS PERPADUAN JAJAHAN MACHANG NEGERI KELANTAN DARUL NAIM.**

Sekian, terima kasih.